

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERALIHAN PERKHIDMATAN MASWINGS KEPADA AIR BORNEO

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran Sahagian Khidmat Perunding, Jabatan Akauntan Negara Malaysia No. Ruj. JANM.600-20/2/5 JLD 5 (7) bertarikh 16 Disember 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Malaysia Aviation Group Berhad (MAG) telah memindahkan hak milik **MASwings Sdn. Bhd.** kepada Kerajaan Negeri Sarawak pada 12 Februari 2025. Sehubungan itu, bermula **1 Januari 2026**, semua penerbangan MASwings akan dikendalikan oleh **Air Borneo (AB)**.

3. Air Borneo (AB) masih belum dilantik sebagai Agensi Pukul Kerajaan dan AB perlu mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) sebelum permohonan untuk menggunakan Kemudahan Bayaran Pukul dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

4. Berikut merupakan perkara yang perlu diberi perhatian berkaitan tempahan tiket, migrasi tiket, pemulangan wang (*refund*) dan lain-lain :

a) Latar Belakang

- i. AB akan beroperasi secara rasmi pada 1 Januari 2026 dengan kod Syarikat penerbangan MY.
- ii. AB akan mula menjual tiket melalui laman web pada 10 Disember 2025 untuk perjalanan bermula 14 Januari 2026.
- iii. Nombor penerbangan MASwings MH3000 sehingga MH3999 akan ditukarkan kepada penerbangan Air Borneo dengan nombor penerbangan MY3000 sehingga MY3999 bagi sektor yang sama.
- iv. AB menggunakan kod pesawat MY dengan nombor tiket bermula dengan 819.

b) Migrasi Tiket

- i. Tiket Waran Kerajaan dan ejen pelancongan yang dikeluarkan pada/sebelum 9 Disember 2025 untuk perjalanan pada/selepas 14 Januari 2026 akan dimigrasikan ke AB.
- ii. Sekiranya tiket telah dimigrasikan ke AB dan penumpang tidak mahu meneruskan perjalanan, boleh memohon *refund* mengikut syarat tambang asal.

c) Program Enrich

- i. Manfaat Enrich tidak akan diguna pakai dengan penerbangan Air Borneo.
- ii. Tiket penebusan Enrich dengan penerbangan MASwings yang dikeluarkan pada/sebelum 9 Disember 2025 bagi perjalanan pada/selepas 14 Januari 2026 tidak akan dimigrasikan dan tempah akan dibatal.

d) Bagasi

- i. Polisi bagasi AB mungkin berbeza, namun tiket yang dimigrasi akan kekal dengan elaun asal MASwings.

e) Harga

- i. AB mempunyai struktur harga sendiri.

f) Perubahan Tempahan dan Penerbangan

- i. MASwings masih boleh ditempah untuk perjalanan sehingga 13 Januari 2026.
- ii. Sekiranya tiket tarikh asal Adalah pada/selepas **14** Januari 2026 dan telah dimigrasi kepada AB dan penumpang ingin menukarkan semula tarikh perjalanan kepada tarikh sebelum 14 Januari 2026, penumpang perlu membeli tiket Baharu dengan MASwings dan tiket yang telah dimigrasi boleh memohon *refund* dengan AB.
- iii. Sekiranya tiket tarikh asal Adalah pada/selepas 14 Januari 2026 dan telah dimigrasi kepada AB dan penumpang ingin menukarkan semula tarikh perjalanan kepada tarikh sebelum 14 Januari 2026, penumpang perlu membeli tiket Baharu dengan MASwings dan tiket yang telah dimigrasi boleh memohon *refund* dengan AB.
- iv. Sekiranya tiket telah dimigrasi ke AB dan penumpang ingin menukarkan tarikh perjalanan ke tarikh selepas 14 Januari 2026, perlu rujuk terus ke AB untuk penukaran ini.

g) Refund/Pemulangan Wang

- i. Tiket yang telah dimigrasi perlu rujuk kepada AB.
 - ii. Tiket MASwings yang sudah luput tarikh perjalanan boleh dimohon *refund* melalui MH mengikut syarat tambang.
5. Kerjasama dan tindakan segera daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah kami hargai.
6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai di jabatan ini seperti berikut :
- i) Norhidayah Binti Halidi : 05-2462184 (hidayah.halidi@anm.gov.my)
 - ii) Thasyayenii A/P Perumal: 05-2462193 (thasya@anm.gov.my)

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**